

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
(GERIK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.10.2016**

**Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah kes penipuan Cukai GST yang telah dikenalpasti semenjak dikuatkuasakan; dan
- (b) apakah hukuman yang dikenakan bagi memberi kesedaran terhadap pesalah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Ogos 2016, sebanyak 43 kes telah dibawa ke mahkamah sesyen untuk pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 seperti berikut:

- i. 1 kes berhubung kesalahan skop pengenaan dan cukai barang dan perkhidmatan;
- ii. 3 kes berhubung kesalahan pengemukaan penyata dan pembayaran cukai;
- iii. 1 kes berhubung kesalahan pembayaran, invois dan pengimportan sebelum tarikh efektif; dan
- iv. 19 kes berhubung kesalahan pendaftaran sebelum tarikh efektif.

Kesemua kes ini telah didakwa dan dijatuhkan hukuman denda di mana jumlah keseluruhan denda yang terlibat ke atas kes tersebut adalah sebanyak RM429,959.